

BHARIAN
27/2/19

MS 3

DASAR & PENTADBIRAN

1 kementerian sahaja urus pekerja asing

Langkah elak pertindihan tugas Kementerian Sumber Manusia, KDN

Oleh Nora Mahpar
noramahpar@nstp.com.my

Petaling Jaya

Hanya satu kementerian akan mengendalikan hal ehwal berkaitan pekerja asing yang bekerja di negeri ini bagi memastikan tiada pertindihan peranan dan tugas.

Menteri Sumber Manusia, M Kulasegaran, berkata pada masa ini ada dua kementerian terabit iaitu Kementerian Sumber Manusia dan Kementerian Dalam Negeri (KDN)

untuk menguruskan perkara itu. "Satu pertemuan antara Kementerian Sumber Manusia dan KDN diadakan Khamis ini untuk memuktamadkannya.

"Dalam pertemuan itu juga, kita akan membincangkan keperluan beberapa sektor yang kekurangan pekerja asing antaranya industri pembuatan," katanya selepas sesi dialog dengan Persatuan Pekilang-Pekilang Malaysia (FMM) di sini, semalam.

Dalam pada itu, Kulasegaran berkata, pihaknya akan meminda Akta Kerja 1955 untuk meluaskan

FOTO BERNAMA



Kulasegaran (kiri) pada sesi dialog bersama Ahli Lembaga Pengarah Persatuan Pekilang-Pekilang Malaysia di Petaling Jaya, semalam.

skop perlindungan kepada pekerja yang berpendapatan di atas RM2,000.

Lindungi semua pekerja

"Kita berharap menerusi pindaan berkenaan, semua golongan pekerja akan dilindungi.

"Pada masa ini hanya pekerja berpendapatan RM2,000 ke bawah mendapat perlindungan (dari segi hak pekerja)," katanya.

Mengulas gesaan FMM supaya kerajaan memperkenalkan subsidi gaji minimum sebanyak 50 peratus, beliau berkata, kerajaan tidak

akan melaksanakannya kerana kekangan kewangan dan ekonomi ketika ini tidak begitu kondusif.

"Kerajaan sudah memutuskan perkara ini tahun lalu dan kita memang tidak boleh laksanakan. "Memang janji Pakatan Harapan (PH) untuk beri subsidi, tetapi kekangan kewangan dan keadaan ekonomi tidak kondusif menyebabkan kita tidak dapat melaksanakannya," katanya.

Kerajaan melaksanakan kadar gaji minimum seragam di seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak iaitu RM1,050 sebulan atau

RM5.05 sejam berkuat kuasa 1 Januari 2019.

Pewartaan kadar gaji minimum baharu itu selaras dengan janji PH menerusi manifesto Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU14) lalu, dengan kajian setiap dua tahun.

PH berjanji untuk menaikkan had gaji minimum sehingga RM1,500 menjelang satu penggal pentadbiran Kerajaan PH.

Bagi melaksanakannya, PH berjanji untuk memberi subsidi 50 peratus kepada majikan bagi membolehkan mereka melaksanakan kenaikan gaji minimum berkenaan.